



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**SURVEI PENDAPATAN, PERBELANJAAN ISI RUMAH / KEMUDAHAN ASAS
(HIES/BA) 2022**

**Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah / Kemudahan Asas
(HIES/BA) 2022 Penting Bagi Penilaian Rancangan Pembangunan
Sosioekonomi Negara**

PUTRAJAYA, 17 Januari 2022 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini telah melancarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bertempat di Dewan Serbaguna, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Majlis Pelancaran Survei HIES/BA 2022 ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Survei ini dilaksanakan secara temuramah bersemuka dan akan melibatkan seramai 92,000 isi rumah terpilih yang meliputi lebih 500,000 orang penduduk di seluruh negara. Di samping kaedah temu ramah bersemuka, responden terpilih boleh juga membuat pengisian borang soal selidik secara *self-response* secara atas talian. Kerahsian maklumat yang dibekalkan oleh responden dalam survei yang dijalankan ini adalah terjamin mengikut peruntukan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak – 1989). Survei ini akan memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pihak Kerajaan dalam menganalisis agihan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah mengikut domain yang lebih terperinci.

Bermula daripada Rancangan Malaysia yang Kedua sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas, dapatan HIES/BA telah digunakan secara menyeluruh dalam penggubalan dasar dan program pembasmian kemiskinan serta polisi yang berkaitan dengan kesamarataan pendapatan isi rumah. Berikutan krisis kesihatan dan ekonomi yang berlaku dalam negara

kita, dapatan survei HIES/BA 2022 ini akan menjadi tanda aras baharu bagi Kerajaan menggubal polisi dan dasar yang berkaitan untuk kesejahteraan rakyat. Selain itu, dapatan ini juga merupakan salah satu input yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk menilai pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, dan Agenda 2030 Pembangunan Mampan (SDGs) yang menekankan pembangunan negara secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Susulan dari perkembangan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, YB Menteri berkata data muktamad Banci Malaysia 2020 akan dikeluarkan dalam bentuk laporan secara berperingkat bermula dari Februari 2022 sehingga 2024. Penerbitan pertama iaitu Penemuan Awalan Banci Malaysia 2020 akan diterbitkan pada Februari 2022. Seterusnya, dijangka lebih daripada 1,000 laporan Banci Malaysia 2020 merangkumi 16 negeri, 160 daerah, 222 parlimen dan 600 Dewan Undangan Negeri akan diterbitkan secara berperingkat.

Dalam ucapannya juga, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed turut menyatakan selaras dengan pengukuhan Sistem Statistik Negara, Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah ditubuhkan bagi menentukan hala tuju sistem statistik negara di samping berperanan sebagai platform penyelarasan maklumat peringkat negara. Selain itu, perkembangan fenomena data raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang agensi kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Atas keperluan ini, penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (NBDAC) adalah kritikal bagi menyokong hasrat Kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan pembuatan keputusan berlandaskan analitik data, selaras dengan inisiatif Kerajaan Digital.

Pembekalan maklumat yang lengkap dan tepat merupakan elemen utama dalam memastikan semua perancangan dirangka berada pada landasan yang betul. Jabatan Perangkaan Malaysia amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 17 Januari 2022

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 JANUARI 2022**

*Logo HIES/BA 2022 boleh dimuat turun di <https://bit.ly/HIESBA2022>



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT

**HOUSEHOLD INCOME, EXPENDITURE AND BASIC AMENITIES SURVEY
(HIES/BA) 2022**

***Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey
(HIES/BA) 2022 is a vital for the Assessment of National
Socio-economic Development Plan***

PUTRAJAYA, 17th January 2022 – The Department of Statistics (DOSM) today has launched the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 located at Dewan Serbaguna, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. The launching of HIES/BA 2022 was officiated by YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister in the Prime Minister's Department for Economic Affairs and also attended by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia.

This survey is conducted through face-to-face interviews and will involve a total of 92,000 selected households consisting more than 500,000 populations across the country. In addition to the face-to-face interview method, the selected respondents may fill-in the questionnaire through online. The confidentiality of the information provided by the respondents in this survey is guaranteed in accordance with the provisions under the Statistics Act 1965 (Revised 1989). This survey will benefit all parties especially the Government in analyzing the distribution of household income and expenditure according to a more detailed domain.

Commencing from the Second Malaysia Plan to the Twelfth Malaysia Plan, the findings of HIES/BA have been used extensively in the formulation of policies and poverty eradication programs as well as policies related to household income equality. Following the health and economic crisis in our country, the findings of the HIES/BA 2022 will be a new

benchmark for the Government to form relevant policies and regulations for the well-being of the people. In addition, these findings are also one of the inputs that will be used by the Government to assess the achievements of the Twelfth Malaysia Plan, Shared Prosperity Vision 2030, and the 2030 Agenda for Sustainable Development (SDGs) which emphasize sustainable national development in line with fair, equitable and inclusive economic distribution at all levels of income groups, ethnicities, regions and supply chain.

As for the Population and Housing Census Malaysia 2020, YB Minister said that the preliminary report will be released in stages starting from February 2022 until 2024. These include more than 1,000 reports of the Malaysia Census 2020 covering 16 states, 160 districts, 222 parliaments and 600 State Legislative Assemblies.

In his speech, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed also stated that in line with the strengthening of the National Statistics System, the National Statistics and Data Council (MSDN) chaired by the YAB Prime Minister of Malaysia has been established to determine the direction of the national statistics system as well as a platform for coordinating information at a national level. In addition, the development of the big data phenomenon and the availability of technology has driven the growth of new innovations and presents opportunities for the Government to improve the quality of services to the people. Thus, it is crucial to establish the National Big Data Analytics Center (NBDAC) to support Government's aspirations in ensuring that planning and decision-making is based on data analytics, in line with the Digital Government initiative.

The provision of complete and accurate information is a key element in ensuring that all plans are drawn up on the right track. The Department of Statistics Malaysia is gratefully acknowledges the co-operation of respondents in providing the information to DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for further info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
17 JANUARY 2022**

*The HIES/BA 2022 can be downloaded through <https://bit.ly/HIESBA2022>